



ALLAUDEEN (dua dari kanan) ketika bertemu peniaga pada sesi *walkabout* di Lorong Haji Taib dan Balai Polis Chow Kit di Kuala Lumpur kelmarin.



ALLAUDEEN (dua dari kanan) bersama Timbalannya, Datuk Azry Akmar Ayob (kanan) dan ketua-ketua polis daerah di Kuala Lumpur ketika sesi *walkabout* kelmarin.

Bebas aktiviti pelacuran, pondan dan dadah berbanding 20 tahun lalu

Jalan Haji Taib kini sudah 'bersih'

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Polis menyifatkan landskap aktiviti di Jalan Haji Taib yang dahulunya terkenal dengan aktiviti pelacuran, pengedaran dadah dan aktiviti songsang membabitkan golongan

pondan kini berubah sepenuhnya berbanding 20 tahun lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, perubahan tersebut hasil kerja keras Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pertubuhan

bukan kerajaan (NGO).

"Pelbagai kisah dahulu kita dengar berkaitan Jalan Haji Taib dan Chow Kit. Kawasan ini memang diketahui dengan aktiviti pelacuran, pondan dan pengedaran dadah.

"Pada umumnya, kini kawasan

ini lebih baik berbanding 20 tahun lalu bersama bantuan pelbagai pihak," katanya pada sesi *walkabout* bersama Ketua Polis Kuala Lumpur, di sini kelmarin.

Ujarnya, keadaan kebersihan dan bebas daripada aktiviti jenayah menjadikan kawasan ini

kini kembali sihat dan dipenuhi dengan aktiviti perniagaan.

"Inilah keadaan sebenar sekarang di lokasi ini, mungkin ada kejadian samun tetapi umumnya kawasan ini telah bersih daripada aktiviti sedemikian," tambah beliau.